

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.11.2016**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah peratus yang diperuntukkan bagi perbelanjaan pengurusan, perbelanjaan awam, membayar hutang negara dan lain-lain hasil GST sepanjang perlaksanaannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan hasil GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Sebahagian besar daripada Kumpulan Wang Disatukan digunakan untuk membiayai Perbelanjaan

Mengurus yang terdiri daripada dua (2) komponen utama iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Jumlah asal Perbelanjaan Mengurus tahun 2016 adalah sebanyak RM215.2 bilion.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM51.8 bilion (24%) diperuntukkan untuk Perbelanjaan Tanggungan di mana pembiayaan untuk hutang negara yang merupakan sebahagian daripada Tanggungan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM26.6 bilion iaitu 12% daripada keseluruhan Perbelanjaan Mengurus.

Manakala sebanyak RM163.4 bilion (76%) diperuntukkan untuk Perbelanjaan Bekalan iaitu yang diperuntukkan kepada kementerian dan agensi bagi tujuan perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan awam.